



Buletin FPP

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN, UNIVERSITI MALAYA

Tarikh: 15 Mac & 15 April 2003, (bersamaan 12 Muharram & 13 Safar 1424)

Bil: 8/2003

BENGKEL PBL



Gambar: Warga FPP bergambar kenang-kenangan di Guoman Resort Port Dickson

Satu bengkel Problem Based Learning (PBL) telah diadakan dengan jayanya pada 21-23 Mac 2003 yang lalu. Bengkel 3 hari 2 malam ini diadakan di Hotel Guoman, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Matlamat utama bengkel ini dianjurkan ialah untuk memperkenalkan PBL kepada semua warga akademik FPP dengan harapan kaedah pengajaran baru ini akan diguna pakai oleh pensyarah FPP. Bengkel ini telah dihadiri oleh hampir semua staf akademik FPP.

Tetamu jemputan bengkel tersebut ialah Prof. Dr. John Arul Phillips dari Fakulti Pendidikan. Beliau selaku pakar rujuk PBL berpeluang menerangkan kepada warga FPP tentang maksud dan kaedah PBL yang sebenar serta berkongsi pengalaman beliau tentang pelaksanaan PBL di Fakulti Pendidikan.

Selain itu, para pensyarah FPP yang telah pun mengamalkan PBL dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka turut diberi peluang berkongsi pengalaman mereka. Antara pembentang pada hari tersebut ialah En. Ng Kok Thye, Puan Lim Chui Choo, Encik Mohd. Said Othman, En. Ahmad Zahiruddin Yahya, Encik Fauzi Zainir dan En. Shamsul Bahri Zakaria.

Hasil persetujuan semua pihak, Dekan FPP, Prof. Dr. Md. Nor Othman dalam ucapan penutup beliau telah mengenal pasti subjek atau kursus yang sesuai menggunakan kaedah PBL.

Secara keseluruhannya, bengkel ini amat bermanfaat kepada semua yang hadir kerana ia menjadi platform kepada perbincangan serta pertukaran ilmu di antara warga FPP khususnya berkaitan PBL. Diharapkan, bengkel ini menjadi titik permulaan bagi meningkatkan lagi penggunaan PBL di peringkat FPP sejajar dengan hasrat Universiti Malaya.

FPP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf yang terlibat, samada secara langsung atau tidak langsung. Penat lelah semua senantiasa dihargai!

Kursus Fasilitator Kemahiran Berfikir & Berkomunikasi

Satu bengkel bagi melatih fasilitator Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi telah diadakan di Hotel PJ Hilton pada 2 April 2003. Kursus satu hari ini diadakan bertujuan untuk melatih dan menyediakan staf akademik yang akan menjadi fasilitator kursus kemahiran berfikir dan berkomunikasi pada semester yang akan datang.

Kursus ini terbuka kepada semua staf akademik FPP. Sambutan yang menggalakkan diterima di mana seramai lebih kurang 30 orang telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini dibimbing bersama oleh Prof. Madya Dr. Jariah Mohd Jan dari Institut Pasca Siswazah (IPS) dan Puan Lynne Norazit dari Fakulti Bahasa dan Linguistik. Warga FPP berjaya berkongsi sedikit sebanyak pengalaman yang ditempuhi oleh kedua fasilitator ini dalam mengendalikan kursus tersebut kepada pelajar di fakulti masing-masing.

Puan Raida Abu Bakar yang bertindak sebagai penyelaras kursus ini di peringkat fakulti turut berpeluang mengambil idea, cadangan dan komen dari semua peserta yang akan diusulkan di peringkat universiti. FPP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.



Latest Publications



Book

1. M.Fazilah Abdul Samad, Shamsuddin Ismail & Fauzi Zainir (2003), *Pengurusan Kewangan*, Singapore: Thomson Learning

Journal

1. Abdul Razak Kamaruddin, Safiek Mokhlis & Md Nor Othman (2002), "Ethnocentrism Orientation and Choice Decisions of Malaysian Consumers: The Effects of Socio-Cultural and Demographics Factors", *Asia Pacific Management Review*, 7 (4), pp. 553-571.
2. Mohd Nazari Ismail and Shreen Ahmed (2003), "Factors Affecting Effectiveness of Change Initiatives: Evidence from Malaysian Firms", *Gadjah Mada International Journal of Business*, 5(1), pp. 33-56.
3. Ainin Sulaiman and Noor Ismawati Jaafar (2002), "Increasing Efficiency and Effectiveness in MSC Status Companies", *Utara Management Review*, 3(2), pp 55-66.

Articles

1. M.Fazilah Abdul Samad (2003), "EPF Savings - Survival After Retirement", *Akauntan Nasional*, 16 (2), pp. 8-12.

Research Series

1. M.Fazilah Abdul Samad (2002), "Ownership Structure in the Malaysian Corporate Sector: Its Impact on Corporate Governance, Performance, Financing and Investment Patterns", *Centre on Regulation of Competition Working Paper Series*, Paper No. 23, University of Manchester, United Kingdom.

Proceedings

1. M.Fazilah Abdul Samad (2003), "Bumiputera in Corporate Malaysia: Three Decades of Performance, 1970-2000", in *The State, Economic, Development and Ethnic Co-Existence in Malaysia and New Zealand*, ed. Gomez E. T. & Stephens R, CEDER, University of Malaya.

Call For Paper

1. The 15th Asian Pacific Conference on International Accounting Issues to be held on 22-25 November 2003 in Bangkok, Thailand. The deadline for submission of papers is 15 May 2003. For further information, please visit www.craig.csufresno.edu/apc
2. National Seminar on Accounting Research: Knowledge Creation and Exchange to be held on 5 June 2003 in Malacca. The deadlines for submission of abstract and full papers are 15 April 2003 and 15 May respectively.
3. Accounting Seminar 2003 Issues and Challenges Confronting the Accounting Profession Today to be held on 8-10 December 2003 in Kangar, Perlis. The deadlines for submission of abstract and full papers are 30 April 2003 and 15 September 2003 respectively. For further information, please visit www.perlis.uitm.edu.my/semacc2003.htm
4. The 9th Asia Pacific Management Conference to be held on 19-21 November 2003 in Osaka, Japan. The deadline for submission of full papers or abstract is 31 May 2003. Please visit <http://www.management.ncku.edu.tw/apmr> for further information.
5. The 5th Asia Pacific Conference on Problem Based Learning to be held on 10-12 September 2003. The deadline for submission of papers is June 2003.
6. The IIUM International Accounting Conference II to be held on 16-17 February 2004 in KL. The deadlines for submission of abstract and full paper are 30 June 2003 and 30 November 2003 respectively.
7. The 5th Asian Academy of Management Conference to be held on 10-13 September 2003 in Kuantan, Pahang. The dateline for submission of papers is 31 May 2003. Please visit www.management.usm.my/aamc/webpppaamc.htm for further information.
8. The 9th Asia Pacific Management Conference to be held on 19-21 November 2003 in Osaka, Japan. The dateline for submission of papers is 31 May 2003. Visit www.management.ncku.edu.tw/apmr for further information.
9. Call for papers to be published in "Journal of Problem Based Learning". Submission dateline is 31 May 2003.
10. Conference on Contemporary Issues in Auditing and Corporate Governance to be held on 24 June 2003 in Batu Gajah, Perak. The deadline for submission of abstract and full papers is 3 May 2003.
11. Conference in conjunction with the Public Institutions of Higher Learning (IPTA) Research Development & Exposition 2003 to be held on 2-5 October 2003 at PWTC, Kuala Lumpur. The deadlines for submission of abstract and full papers are 2 May 2003 and 1 July respectively. For further information, visit www.mmc.upm.edu.my/ipta
12. International Conference on Quality Financial Reporting & Corporate Governance to be held on 28-29 July 2003 in KL.

Call for MAREF Research Project

The Malaysian Accountancy Research and Education Foundation (MAREF) is pleased to invite research proposals on topics relevant to the Malaysian accounting profession or accountancy education. The funding for the approved research projects would be provided by MAREF.

Please ensure that the research proposals including the proposed budget are forwarded to the MAREF Research Board for consideration by the **first week of August 2003**. All accounting lecturers are encouraged to apply for this project. The application form is available in the Dean's office. Further information can be obtained from <http://www.mia.org.my>

Sayonara ...

FPP mengucapkan selamat tinggal dan maju jaya kepada Encik Cheah Eng Tuck yang telah tamat kontraknya dengan FPP pada 24 Februari 2003. Segala jasa dan keringat yang diberikan tidak akan dilupakan. Semoga berjaya dalam apa sahaja karier yang akan datang.

Penyertaan Dalam Seminar/ Persidangan/ Kursus

Staf FPP yang telah menyertai pelbagai seminar dan bengkel adalah seperti berikut:

1. Puan Kamsiah Saidin telah mengikuti kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti pada 6-7 Mac 2003 bertempat di Shah's Village Hotel, Petaling Jaya.
2. Puan Saniah Ariffin dan Puan Salbiah Salleh telah mengikuti kursus "Better Ways of Speaking English" pada 13-14 Mac 2003 bertempat di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya.
3. Puan 'Aishara Abdul Rahim, En. Mohd Zulkhairi Mustapha, En. Shamsul Izwan Saharani dan En. Fauzi Zainir telah menghadiri Bengkel Persediaan Audit Dalaman Bil. 2/2003 Universiti Malaya pada 11-14 Mac 2003 bertempat di Hotel Pan Pacific, Pulau Pangkor.
4. Puan Izlin Ismail telah menghadiri kursus "Doing Business Research: Get It Started, Get It Right" pada 8-9 Mac 2003 bertempat di Nottingham University Business School, Kuala Lumpur.

Journal Citation Index: Consumer Behaviour & Tourism

Listed below are some of the journals listed in ISI master journals. It is hoped that this listing will help us in choosing the appropriate and listed journals for our future publications:

1. Advances in Consumer Research
2. Journal of Consumer Affairs
3. Journal of Consumer Marketing
4. Journal of Consumer Psychology
5. Journal of Consumer Research
6. Journal of Advertising
7. Journal of Advertising Research
8. Annals of Tourism Research
9. Tourism Management.

Seminar PJP 2003

Satu seminar Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) telah diadakan pada 11 dan 12 Mac 2003 bertempat di Kompleks Dewan Kuliah Baru, Fakulti Sains, Universiti Malaya. Seminar ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para penyelidik yang menerima Vote F untuk membentangkan hasil kajian masing-masing serta menarik lebih ramai warga UM menjalankan penyelidikan.

Warga FPP juga turut mengambil bahagian dalam seminar ini. Empat kertas kerja dibentangkan oleh tiga orang staf FPP iaitu Puan Sa'adiyah Hj. Munir, En. Shamsul Bahari (dua kertas kerja) dan Prof. Madya Susan Tho Lai Mooi.

Lebih membanggakan, salah seorang pembentang dari FPP, Prof Madya Susan Tho Lai Mooi turut dianugerahkan sebagai Pembentang Terbaik bagi bidang Sastera dan Sains Sosial. FPP mengucapkan tahniah kepada beliau dan berharap agar kejayaan beliau ini bukan sahaja memberikan semangat dan iltizam kepada beliau malah juga menjadi tauladan dan ikutan semua warga FPP yang lain. FPP lebih baik!

Bengkel Tesis ke Buku

Penerbit Universiti Malaya sekali lagi akan menganjurkan Bengkel Tesis Ke Buku khas untuk bidang Sains Sosial. Keutamaan diberi kepada staf akademik universiti yang mempunyai tesis/disertasi/latihan ilmiah untuk diterbitkan dalam bentuk buku terutamanya ahli akademik dalam bidang sains sosial, termasuk bidang ekonomi, undang-undang, kemanusiaan, pengajian Islam dan sebagainya.

Bengkel ini akan diisi dengan sesi ceramah dan latihan, merangkumi cara-cara untuk mengubahsuaikan tesis agar gaya persembahannya sesuai untuk dijadikan bahan bacaan umum. Antara penceramah/pembimbing bengkel ini ialah Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin (UKM), Prof. Madya Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak (UM), Prof Madya Dr. Azizah Hamzah (UM) dan Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan (Penerbit UM).

Tarikh, tempat dan masa bengkel ini akan diumumkan kemudian. Sesiapa yang berminat sila kemukakan nama ke Pejabat Dekan. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Siti Fatimah Md. Aron di talian 03-79675815 atau 79574361 atau e-mail sfatima@um.edu.my

Berita Penyelidikan

Lanjutan daripada Bengkel Penyelidikan FPP 1 di Alor Gajah Melaka pada 14-16 Februari 2003 yang lalu, satu sesi pembentangan cadangan kertas kerja telah diadakan pada 28 Februari 2003 di Bilik Mesyuarat 1 FPP jam 3 petang. Sesi pembentangan ini diadakan untuk memberi peluang kepada beberapa orang sahabat FPP yang tidak berkesempatan untuk hadir pada bengkel tersebut.

Sembilan kertas kerja telah dibentangkan meliputi pelbagai bidang seperti pengauditan, percukaian, perakaunan Islam, pengurusan strategik dan sistem informasi perakaunan.

Syabas dan tahniah kepada semua pembentang! Diharapkan agar semua cadangan kertas penyelidikan ini dapat disempurnakan dan direalisasikan.

Perpindahan Sekolah Perniagaan Pasca Siswazah

Tanggal pada 10 Mac 2003, Sekolah Perniagaan Pascasiswazah Universiti Malaya dengan rasminya telah berpindah ke lokasi baru di Aras 4, Blok C, Kampus Kota, Universiti Malaya, Jalan Tun Ismail 50480 Kuala Lumpur. Talian baru pejabat Sekolah Perniagaan Pascasiswazah ialah 03-26173051/52 dan fax 03-2617 3050.

Sehubungan dengan itu juga, satu sesi lawatan ke kampus baru itu akan diadakan bagi memperkenalkan sahabat FPP dengan kampus baru tersebut pada 15 April 2003. Semua staf dijemput hadir.

**15 April 2003:**

Lawatan ke Sekolah Perniagaan Pascasiswazah Universiti Malaya, Kampus Kota jam 10.00 pagi. Semua dijemput hadir.

13 Mei 2003: Peperiksaan akhir semester khas bermula.

25 April 2003: • *Intellectual discourse oleh Encik Shamsul Anuar Abdul Majid. Tajuk pembentangan beliau ialah "Enhancing Conventional Portfolio Returns Using Petroleum Futures".*

Mengenali staf Mohd Zulkhairi Mustapha

Staf FPP yang akan diutarakan dalam edisi bulan ini ialah Encik Mohd Zulkhairi Mustapha. Beliau berasal dari Kelantan dan telah pun berumahtangga dan dikurniakan seorang anak. Beliau mula menyertai FPP pada bulan Mei 1999 sebagai Tutor SLAB sebelum menjawat jawatan pensyarah di Jabatan Perakaunan Pengurusan dan Percukaian hingga sekarang.

Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Cardiff University, Wales, UK. dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan) di Universiti Malaya.

Bidang pengkhususan beliau ialah percukaian, perakaunan dan pendidikan cukai. Antara penerbitan beliau ialah:

- Mohd Zulkhairi M & Susan Tho Lai Mooi (2001), "Firm Performance and Degree of Sophistication of Capital Budgeting Practice: Some Malaysian Evidence", *Proceedings of the Seventh Asia Pacific Management Conference*, eds. Kao Chiang et al, pp. 279-290.

Buat masa sekarang, beliau terlibat dengan penyelidikan bertajuk "Tax Education Among Undergraduates: Expectation Gap Between Educators and Practitioners in Malaysia" dan "Income Tax Awareness among Non-Accounting Undergraduates in Public Universities".

Berita ISO

Audit Dalaman Universiti Malaya yang kedua telah berlangsung dengan jayanya pada 17-21 Mac 2003. Sebelum itu, satu taklimat ISO peringkat FPP telah diadakan pada 13 Mac 2003 bertempat di Dewan Kuliah 6, FPP pada jam 3.00 petang. Namun, FPP telah menerima tiga ketakakuran (NC) seperti berikut:

1. Rekod untuk memantau kehadiran pelajar adalah tidak konsisten kerana tidak dinyatakan tarikh dan tiada tandatangan pensyarah.
2. Borang pindaan kursus diluluskan selepas kelas pindaan diadakan. Auditor juga mendapati bahawa terdapat satu kursus yang telah dipinda sebanyak 13 kali dalam semester 2, Sesi 2002/2003.
3. Urusan memantau penyaringan kertas soalan peperiksaan didapati kurang mantap.

Walau bagaimanapun, kesemua ketakakuran tersebut berjaya ditutup sebelum 11 April 2003. Terima kasih kepada semua warga FPP di atas kerjasama yang diberi sepanjang audit tersebut.

Staf Baru FPP

FPP telah menerima seorang staf sokongan baru, iaitu Cik Normadinah binti Abdul Latiff. Beliau telah ditugaskan untuk membantu Ketua Jabatan Dasar & Strategi Perniagaan, Ketua Jabatan Perakaunan Pengurusan & Percukaian, latihan Industri BBA dan BAcc dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pegawai Atasan dari masa ke semasa. FPP mengucapkan Selamat Datang kepada beliau.

Doctoral Seminar

A doctoral seminar was held on 29 March 2003 at 11.00 a.m. in Lecture Theatre 6, FPP. There was one presenter, Zakiah Muhammaddun Mohamed from FPP PhD candidates. The title of her presentation was "The Meaning of Audit Report: Users' Perspectives". Her supervisor is Assoc. Prof. Dr. S. Susela Devi.

Tahniah

FPP mengucapkan tahniah kepada Puan Izlin Ismail di atas perlanjutan jawatan beliau sebagai Pemangku Jabatan Kewangan dan Perbankan mulai 13 Februari 2003 hingga 14 Mei 2003.

Tahniah juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ainin Sulaiman di atas perlantikan beliau sebagai perunding bagi menjalankan kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengenai 'Study on the Impact and Effectiveness of the Attachment and Training Programme for Unemployed Graduates'.

FPP berbangga di atas kejayaan dan perlantikan mereka semua. Syabas dan tahniah sekali lagi.

FPP Intellectual Disourse

A doctoral seminar was held on 29 March 2003 at 11.00 a.m. in Lecture Theatre 6, FPP. There was one presenter, Zakiah Muhammaddun Mohamed from FPP PhD candidates. The title of her presentation was "The Meaning of Audit Report: Users' Perspectives". Her supervisor is Assoc. Prof. Dr. S. Susela Devi.

Sidang Pengarang

Penasihat

Prof Dr Md Nor Othman

Ketua Editor

Mohd Zulkhairi Mustapha

Ahli Jawatankuasa

Dr. Wan Sabri Wan Hussin

Mohd Sarif Ibrahim

Mohd Naufal Omar

Abdul Razak Halifa

Sebarang komen atau cadangan sila hantarkan kepada email zulkhairi@um.edu.my